NO SOALAN :118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**12.06.2014**

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa USD2.3 bilion yang diperoleh oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) daripada Petrosaudi International Ltd. apabila pelaburan 1MDB ditamatkan di September 2012 tidak dikembalikan ke Malaysia dan dimasuk dalam satu syarikat SPC (segregated portfolio company) di Cayman Islands dengan pengurus dana yang tidak dinamakan dan dalam keadaan pengarah-pengarah 1MDB telah berkata mereka tidak ada kawalan terhadap SPC tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 1MDB telah melaburkan sebanyak US$2.318 bilion bersama pengurus dana berlesen antarabangsa yang berdaftar di Kepulauan Cayman dan dikawalselia oleh pihak berkuasa kewangan di Cayman, Switzerland dan Hong Kong. Dana tersebut merupakan hasil pulangan dari usahasama 1MDB-PetroSaudi International.

Pelaburan ini merupakan satu langkah interim sahaja bagi memastikan dana tersebut tidak pasif di samping membolehkan 1MDB mendapat keuntungan sementara mempertimbangkan peluang-peluang pelaburan lain dalam semua sektor terasnya, termasuklah di peringkat global, yang dapat menyokong inisiatif strategik bagi membawa manfaat jangka panjang kepada Malaysia.

Sebahagian daripada dana di luar negara telah beransur-ansur kembali ke Malaysia untuk dilaburkan dalam projek-projek tenaga dan hartanah 1MDB serta untuk memenuhi kewajipan kewangan, bagi

menampung hutang dan bagi memberi pulangan tunai kepada pemegang sahamnya, iaitu Kerajaan.

Dana-dana 1MDB juga telah pun mengambil kira modal yang diunjurkan bagi persiapan peluang-peluang akan datang dan pelan pertumbuhan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Perlu ditekankan di sini bahawa 1MDB mempunyai kawalan penuh ke atas dana pelaburannya di Kepulauan Cayman. Dana ini diuruskan di bawah mandat yang diberikan oleh 1MDB, dan 1MDB boleh mengeluarkan wang ini pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Terma "control" atau kawalan yang petik dari laporan kewangan 1MDB telah salah ditafsirkan. Kenyataan penuhnya berbunyi, dengan izin: "The Directors concluded that the Group is unable to exercise control or significant influence over Segregated Portfolio Company (SPC) in accordance with the MFRS 127 Consolidated and Separate Financial

Statements and MFRS 128 Investments in Associates."

Dalam piawaian Malaysia Financial Reporting Standards atau MFRS 127, terma "control" atau kawalan ditakrifkan sebagai "the power to govern the financial and operating policies of an entity so as to obtain benefits from its activities". Seperti yang jelas dinyatakan di dalam nota-nota akaun, pelaburan 1MDB adalah hanya sebagai pemegang saham atau "participating shareholder".

Ini adalah konsep yang sama dengan melabur wang dalam dana bersama atau "mutual funds" di mana 1MDB merupakan pemegang saham dana yang sudah mempunyai mandat pelaburan sendiri dan pemegang saham tidak dapat mempengaruhi mandat pelaburan asal. Namun begitu, ini tidak bermaksud 1MDB telah hilang kawalan ke atas dana yang dilaburkan.